



04 FEB, 2026

FAMA mahu ganda outlet Kopiesatu

Harian Metro, Malaysia

Page 1 of 2



AMINUDDIN (kanan) menghasilkan minuman sendiri di cawangan Kopiesatu baharu di Dataran Senawang.

FAMA mahu ganda outlet Kopiesatu

Seremban: Trend pembukaan outlet berasaskan minuman kopi jenama tempatan meningkatkan permintaan bahan mentah berkenaan sekali gus merancakkan industri huluan kopi lokal.

Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Aminuddin Zulkipli berkata, golongan muda turut digalakkan menceburi industri huluan kopi yang berpotensi menjana pendapatan.

“FAMA mempelawa usahawan memandangkan di belakang outlet Kopiesatu ini, kita ada pengeluaran kopi dan ia menjanjikan potensi luar biasa.

“Kopiesatu mendapat sambutan luar biasa di pasaran dan ini menjanjikan

peluang baik. FAMA sangat mengharapkan penyertaan usahawan bukan sekadar di outlet sahaja, tetapi mereka yang berminat untuk penanaman kopi,” katanya ketika ditemui selepas majlis perasmian outlet Kopiesatu Dataran Senawang yang disempurnakan Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun, baru-baru ini.

Menurutnya, sasaran FAMA pada 2025 adalah untuk membuka empat outlet di Negeri Sembilan, namun pihaknya terpaksa membuat sedikit ubah suai berdasarkan permintaan semasa.

“Melihat trend semasa, kami menjangkakan untuk menggandakan jumlah outlet yang bakal dibuka tahun ini,” katanya.



04 FEB, 2026

FAMA mahu ganda outlet Kopiesatu

Harian Metro, Malaysia

SUMMARIES

Seremban: Trend pembukaan outlet berasaskan minuman kopi jenama tempatan meningkatkan permintaan bahan mentah berkenaan sekali gus merancakkan industri huluan kopi lokal. Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Aminuddin Zulkipli berkata, golongan muda turut digalakkan menceburi industri huluan kopi yang berpotensi menjana pendapatan. “FAMA mempelawa usahawan memandangkan di belakang outlet Kopiesatu ini, kita ada pengeluaran kopi dan ia menjanjikan potensi luar bi a s a .